

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS(2016)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI MAHFUZ OMAR
[POKOK SENAJ]**

SOALAN :

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada sumber kewangan manakah yang diperoleh Tabung haji untuk mensubsidikan sebanyak RM8,910 untuk setiap Jemaah Haji kali pertama menunaikan Ibadah Haji.

JAWAPAN : (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kekukuhan kewangan **TH** adalah hasil alokasi taktikal pelaburan yang terancang dan baik serta tabungan yang konsisten daripada para pendepositnya. Sumber pendapatan hasil dari aktiviti-aktiviti pelaburannya sentiasa disalurkan bagi menampung perbelanjaan pengurusan operasi dan subsidi hajinya setiap tahun.

Daripada pulangan aktiviti pelaburan inilah, **TH** menanggung subsidi yang meningkat sepanjang tahun walaupun bayaran haji yang diterima daripada seorang jemaah haji muassasah dikekalkan pada RM9,980 sejak lapan tahun yang lalu. **TH** dianggarkan akan menanggung keseluruhan kos subsidi melebihi RM160 juta pada tahun ini.

Sesungguhnya **TH** terus yakin dan percaya, bahawa daya tahan dan kedudukannya yang baik mampu untuk terus mendokong amanah dan matlamat penubuhannya dalam menjaga kebajikan dan menyantuni jemaah haji negara ini.

Sekian. Terima kasih.